

Warga IPT bekerjasama laksana ibadat korban

1# (Rudidikan) Khamis 11/12/08 - ms 15

**Sekitar
Kampus**

Oleh Rosniza Mohd Taha
yoniza@bharian.com.my

UMAT Islam yang tidak terpilih menjadi tetamu Allah ke Tanah Suci bagi mengerjakan haji tahun ini tidak melepaskan peluang memanfaatkan kelebihan Zulhijjah dengan melaksanakan ibadat korban yang disunatkan pada hari ke-10, 11, 12 dan 13.

Demikian juga dengan warga institusi pengajian tinggi (IPT) yang tidak ketinggalan melaksanakan ibadat itu di tempat masing-masing pada hari yang disunatkan itu.

Berikutan itu, tidak hairanlah jika pekarangan masjid atau tempat dikhaskan di IPT terbabit dipenuhi warganya yang mahu menyertai dan melihat sendiri ibadat korban itu dijalankan sempena Aidiladha.

Di Masjid Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, sejumlah 17 lembu dikorbankan untuk diagihkan kepada penduduk setempat sempena Majlis Ibadah dan Akikah dianjurkan institusi itu, kelmarin.

Dianggarkan 200 kakitangan UKM hadir pada majlis berkenaan, termasuk Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Tan Sri Dr Mazlan Ahmad; Naib Canselor, Prof Datuk Dr Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin; Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan dan Inovasi), Prof Datuk Dr Mohamad Abdul Razak dan Pengerusi Jawatankuasa Majlis Ibadat Korban, Prof Datuk Dr Mohd Wahid Samsudin.

Berucap pada majlis itu, Mohd Wahid melahirkan rasa kesyukuran kerana ibadat itu dapat dijalankan dengan lancar hasil permuafakatan dan kerjasama warga universiti itu menjalankan tugas menyem-

Berkat kerjasama warga universiti, majlis ini dapat diadakan secara teratur dan mencatat peningkatan penyertaan setiap tahun. Saya berharap ibadat ini akan terus mendapat sambutan warga UKM dan masyarakat sekitar kampus pada masa akan datang"

**Dr Mohd Wahid
Samsudin**

*Pengerusi Jawatankuasa
Majlis Ibadat Korban, UKM*

belih, melapah dan mengagih daging.

"Berkat kerjasama warga universiti, majlis ini dapat diadakan secara teratur dan mencatat peningkatan penyertaan setiap tahun.

"Saya berharap ibadat ini akan terus mendapat sambutan warga UKM dan masyarakat sekitar kampus pada masa akan datang," katanya.

Sejumlah 14 lembu dan seekor kambing sumbangan warga Universiti Teknologi Mara (UiTM) pula dikorbankan dalam suatu majlis berlangsung di Tapak Korban UiTM, Shah Alam, Selangor, semalam.

Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Majlis Korban UiTM, Subkhi Shaein, berkata seekor lembu dimasak untuk jamuan makan tengah hari bagi lebih 1,000 warga universiti yang hadir pada majlis berkenaan.

"Bakinya diagihkan dengan keutamaan diberi kepada 490 penerima kurang berkemampuan.

"Kira-kira 200 kakitangan bekerjasama menyembelih dan melapah serta mengagih daging korban pada majlis yang bermula seawal jam 7.30 pagi," katanya.

Di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor, IPT itu turut mengorbankan empat lembu dan tiga kambing untuk diagihkan kepada kira-kira 100 kakitangan dan penduduk setempat, pada Isnin lalu.

Kira-kira 35 kakitangan universiti itu membantu memotong, melapah dan membahagikan daging kor-

ban, bermula jam 8 pagi itu.

Kakitangan dan pegawai kadet Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) pula menyumbangkan 20 lembu untuk dikorbankan sempena Program Ibadat Korban dan Akikah di Masjid Al-Jazari, Kem Sungai Besi.

Ketua Cawangan Agama UPNM, Mejar Daud Mohd Salleh, berkata kira-kira 2,000 warga universiti menghadiri majlis berkenaan yang bermula jam 9.45 pagi kelmarin.

"Daging korban diagihkan kepada warga universiti dan penduduk Kem Sungai Besi," katanya.

Sementara itu, di Universiti Malaysia Pahang (UMP), kira-kira 80 warga IPT itu menghadiri Majlis Ibadat Korban Perdana yang berlangsung semalam.

Pengarah Pusat Islam dan Pembangunan Insan UMP, Zuridan Mohd Daud, berkata empat lembu dan tiga kambing sumbangan kakitangan universiti dikorbankan sempena majlis itu.

"Daging korban diagihkan kepada warga universiti selain golongan kurang berkemampuan dari Kampung Seri Fajar dan Mahkota Aman," katanya.



PETUGAS melapah kambing korban di UMP, semalam.